



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1964

DR.21/1984

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1985.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Tertakluk kepada seksyen 3, Bahagian IV Akta Mahkamah Kehakiman 1964, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dimansuhkan.

Pemansuhan Bahagian IV. Akta 91.

3. (1) Pemansuhan Bahagian IV Akta ibu tidaklah terpakai bagi apa-apa rayuan, permohonan untuk kebenaran atau permohonan untuk kebenaran khas yang dibuat di bawah Bahagian itu yang belum selesai pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

Peruntukan peralihan.

(2) Walaupun Bahagian IV Akta ibu dimansuhkan, seksyen 76, 77 dan 78 Akta ibu hendaklah terus berkuatkuasa bagi maksud subseksyen (1).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Bahagian IV Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memandangkan pemansuhan yang dicadangkan akan rayuan daripada Mahkamah

2 RANG UNDANG-UNDANG

Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong dan rujukan rayuan tersebut kepada Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy. Peman- suhan ini akan berkuatkuasa pada tarikh sebagaimana diper- untukkan dalam Rang Undang-Undang ini dan pemansuhan tersebut tidaklah terpakai bagi apa-apa rayuan, permohonan untuk kebenaran atau permohonan untuk kebenaran khas yang dibuat di bawah Bahagian IV tersebut yang masih belum selesai pada tarikh mula berkuatkuasanya pemansuhan tersebut. Rang Undang- Undang ini juga memperuntukkan penguatkuasaan terus seksyen 76, 77 dan 78 Bahagian itu bagi maksud menguatkuasakan prosedur dan perkara berbangkit berhubungan dengan penyelesaian kes-kes yang belum selesai itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1266/1.]